

3757/1
EKONOMI ASAS
Kertas 1
MEI/JUN
2014
1 1/4 JAM

MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5

TAHUN 2014

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL A
EKONOMI ASAS SPM
Kertas 1

Satu jam tiga puluh minit


JANGAN BUKA MODULINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Modul ini mengandungi **40** soalan objektif.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan objektif diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.

Modul soalan ini mengandungi 19 halaman bercetak

ARAHAN : Jawab **semua** soalan

1. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan kehendak yang tidak terhad?
 - I Kehendak manusia adalah terhad
 - II Manusia tidak pernah berpuashati dengan apa yang diperoleh
 - III Kehendak manusia merangkumi barang-barang keperluan asas sahaja
 - IV Apabila sesuatu kehendak dapat dipenuhi, kehendak yang baru pula muncul
 - A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV
- . Rajah 1 menunjukkan sumber-sumber ekonomi yang diperlukan untuk mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan.



Rajah 1


2. Y ialah satu daripada sumber tersebut. Apakah ganjaran yang diberi kepada penyumbang Y ?
 - A Upah
 - B Sewa
 - C Faedah
 - D Untung

- Jadual 1 menunjukkan dua barang, X dan Y, keluaran suatu firma.

Teknik	Barang X	Barang Y
Pengeluaran	(Unit)	(Unit)
R	100	25
S	80	40
T	50	60
U	30	75

Jadual 1

- Gambar 1 ialah iklan promosi jualan kereta.



GAMBAR 1

- 4 Apakah jenis barang dalam iklan itu?

	Kereta	Telefon bimbit
A	Barang ekonomi	Barang ekonomi
B	Barang ekonomi	Barang percuma
C	Barang awam	Barang ekonomi
D	Barang awam	Barang percuma

5. Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh Puan Ayuni.

Puan Ayuni telah menjalankan perusahaan keropok lekor sejak 3 bulan yang lalu dengan hasil pengeluaran 500 kg sehari.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Puan Ayuni?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
 - II Berapa yang hendak dikeluarkan
 - III Bagaimana hendak dikeluarkan
 - IV Untuk siapa hendak dikeluarkan
-
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

6 Antara berikut, yang manakah merupakan persamaan antara sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran?

- A Harga barang ditentukan oleh mekanisme harga
- B Wujud persaingan yang bebas antara pengeluar
- C Pengeluar memaksimumkan keuntungan
- D Mengutamakan kebijakan masyarakat

Jadual 2 menunjukkan peratus pekerjaan di sebuah bandar.

Jenis Pekerjaan	Peratus (%)
Guru	20
Penternak kambing	15
Pegawai bank	10
Pengusaha restoran	15
Buruh binaan	5
Mekanik	10
Operator pengeluaran	25

Jadual 2

7 Berapakah peratus penduduk yang bekerja dalam sektor ketiga?


- | | |
|--------|--------|
| A. 25% | C. 45% |
| B. 35% | D. 55% |

Berikut adalah maklumat berkaitan dengan pemilihan pekerjaan Encik Rudi.

Encik Rudi adalah seorang jurutera yang bergaji RM8 000 sebulan, namun begitu beliau telah meletak jawatan dan memilih untuk bekerja sebagai guru.

8 . Apakah faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan Encik Rudi?

- I. Kelayakan akademik
 - II. Prospek pekerjaan
 - III. Minat
 - IV. Jarak
-
- | | |
|--------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan IV |
| B. I dan III | D. III dan IV |



Gambar 2

9 . Gambar 2 menerangkan perniagaan Encik Lukman dan pendapatannya. Apakah bentuk pendapatan yang diperoleh Encik Lukman?

- | | |
|-------------------|---------------------|
| A Upah dan sewa | C Faedah dan upah |
| B Untung dan sewa | D Untung dan faedah |

10. Antara berikut, yang manakah faktor mendorong individu bekerja dengan pihak lain?

- I. Menerima gaji tetap
 - II. Peluang kenaikan pangkat
 - III. Berani menghadapi risiko
 - IV. Bebas membuat keputusan
-
- A. I dan II
 - C. III dan IV
 - B. II dan III
 - D. I dan IV

Berikut adalah maklumat mengenai Pn. Nadia

Pn. Nadia seorang ibu tunggal yang mempunyai 3 orang anak. Seorang anak beliau belajar di universiti tempatan, manakala 2 lagi masih belajar di sekolah menengah. Pendapatan tahunan beliau ialah RM20 000. Daripada jumlah itu, RM2 200 dicarumkan kepada KWSP, RM300 untuk potongan cukai pendapatan dan RM250 untuk bayaran zakat harta benda.

11. Hitungkan perbelanjaan penggunaan Pn.Nadia jika tabungan tahunan ialah RM380.

- | | |
|------------|------------|
| A RM13 450 | C RM16 200 |
| B RM13 700 | D RM16 870 |

12 Tentukan langkah penyediaan belanjawan peribadi yang betul.


Langkah	Keterangan
I	Catat perbelanjaan harian , perbelanjaan tetap dan perbelanjaan tidak tetap
II	Baki pendapatan ditabungkan
III	Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
IV	Kenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib
V	Mengimbangkan pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan

- A I, II , III , V dan IV
- B IV, I, II , III, dan V
- C IV, I,III, II dan V
- D IV, I, III,V dan II

13 Apakah peranan isi rumah ?

- A Mendapat untung daripada aktiviti menjual barang dan perkhidmatan
- B Menerima pendapatan dalam bentuk upah dan faedah
- C Membekalkan buruh, modal, tanah dan usahawan
- D Menawarkan barang dan perkhidmatan

Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan barang Y.



Rajah 2

14 Antara yang berikut, pernyataan manakah yang benar?

- I Jika harga meningkat, kuantiti diminta akan jatuh
 - II Jika kuantiti diminta jatuh, harga akan meningkat
 - III Hubungan antara harga dan kuantiti diminta barang Y adalah negatif
 - IV Hubungan antara harga barang Y dan kuantiti diminta adalah positif
- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan IV |
| B I dan III | D III dan IV |

15 Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan perbezaan antara perubahan kuantiti diminta dan perubahan permintaan.

	Perubahan dalam kuantiti diminta	Perubahan permintaan
A	Peralihan keluk permintaan ke kiri	Peralihan keluk permintaan ke kanan
B	Melibatkan lebih dari satu keluk permintaan	Melibatkan hanya satu keluk permintaan
C	Harga dan kuantiti diminta berubah	Hanya melebatkan perubahan dalam kuantiti diminta
D	Harga tidak berubah	Harga dan kuantiti berubah

Jadual 3 menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti yang diminta.

Harga seunit (RM)	Kuantiti barang diminta (Unit)
1	50
2	47
3	45
4	45
5	35
6	25

Jadual 3

- 16 Antara berikut yang manakah menunjukkan pergerakan yang bertentangan dengan hukum permintaan?

- A Dari RM1 ke RM2
- B Dari RM2 ke RM3
- C Dari RM3 ke RM4
- D Dari RM5 ke RM6

Berikut adalah iklan kursus sebuah syarikat penyelenggaraan komputer

KURSUS PENYELENGGARAAN KOMPUTER DALAM MASA SEBULAN
Hari : Jumaat dan Sabtu
Sijil : Sijil Penyelenggaraan Komputer
Yuran : RM 200
Peserta : 50 orang sahaja

- 17 Iklan tersebut menarik 20 permohonan. Untuk meningkatkan lebih ramai peserta , syarikat tersebut itu telah menurunkan yuran kepada RM160. Akibatnya seramai 40 orang telah memohon untuk mengikuti kursus tersebut.


Apakah yang dapat dirumuskan tentang kursus tersebut ?

- A Penawaran kursus itu anjal
- B Permintaan kursus itu anjal
- C Permintaan kursus itu tidak anjal
- D Pernawaran kursus itu tidak anjal

18 Antara berikut yang manakah merujuk kepada pengeluaran?

- A Aktiviti firma menggabungkan tenaga kerja di pasaran buruh
- B Aktiviti isi rumah dan firma bagi memaksimumkan kepuasan
- C Aktiviti isi rumah bagi menawarkan faktor pengeluaran
- D Aktiviti firma menggabungkan input-input pengeluaran

Rajah 3 di bawah berkaitan jenis-jenis input



Rajah 3

19 Berdasarkan rajah di atas, yang manakah menerangkan P dan Q?


	P	Q
A	Tanah	Input berubah
B	Buruh	Input tetap
C	Buruh	Input berubah
D	Tanah	Input tetap

Jadual 4 menunjukkan hubungan di antara harga dengan kuantiti ditawarkan.

Harga(RM)	Kuantiti ditawar(Unit)
5	40
4	35
3	30
2	25
1	20

Jadual 4

- 20 Keluk manakah yang terbentuk daripada jadual di atas



Soalan 21 dan Soalan 22 berdasarkan jadual 5 di bawah

Keluaran	2	4	6	8	10
Kos Berubah (RM)	30	80	130	180	240

Jadual 5

- 21 Jika kos pengeluaran pada keluaran ke-4 ialah RM130, hitungkan kos purata pada keluaran yang ke-6.

- A RM15
- B RM22
- C RM30
- D RM50

22 Kirakan kos sut bagi keluaran yang ke-6.

- A RM25
- B RM30
- C RM50
- D RM130

. Jadual 6 menunjukkan peratus perubahan kuantiti yang ditawar dan peratus perubahan harga bagi barang Y dan barang Z

Barang	Peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti ditawar
Y	10	20
Z	30	15

Jadual 6

23 Tentukan jenis keanjalan bagi kedua-dua barang tersebut.

	Barang Y	Barang Z
A	Anjal	Anja satul
B	Anjal	Tidak anjal
C	Anjal satu	Tidak anjal
D	Tidak anjal	Anjal

24. Antara berikut, yang manakah menepati konsep pasaran?





- I Ada penjual dan pembeli
 - II Mempunyai suatu tingkat harga tertentu
 - III Pembeli dan penjual mesti bertemu
 - IV Mempunyai barang dan perkhidmatan untuk diurusniagakan
-
- A I, II, dan III
 - B I, II, dan IV
 - C I, III, dan IV
 - D II, III, dan IV

Jadual 7 di bawah menunjukkan permintaan dua individu terhadap barang P di pasaran


Harga Barang (RM)	Kuantiti Diminta barang P (unit)	
	Individu A	Individu B
3	40	60
6	20	30

Jadual 7

- 25 Rajah manakah yang menunjukkan keluk permintaan pasaran bagi barang P ?




Rajah 4 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran telefon bimbit .



Rajah 4

- 26 Apakah yang akan berlaku pada tingkat harga P_1
- A lebihan permintaan, harga akan naik
 - B lebihan permintaan, harga akan jatuh
 - C lebihan penawaran, harga akan naik
 - D lebihan penawaran, harga akan jatuh
27. Pilih pernyataan yang benar tentang pasaran faktor.
- A Suatu keadaan pembeli dan penjual bertemu untuk menjalankan aktiviti jual beli perkhidmatan
 - B Suatu situasi pembeli mendapatkan faktor-faktor pengeluaran untuk memaksimumkan kepuasan
 - C Suatu situasi penjual menawarkan faktor-faktor pengeluaran untuk mendapatkan keuntungan maksimum
 - D Suatu keadaan pembeli dan penjual bertemu untuk menjalankan urus niaga faktor-faktor pengeluaran

28. Rajah 5 menunjukkan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.



Rajah 5

Aliran manakah yang menunjukkan aliran wang ?

- A. P dan Q
- B. P dan R
- C. Q dan S
- D. R dan S

Maklumat berikut berkaitan sebuah iklan sempena promosi hujung tahun.

MOTOSIKAL LC 135

- Harga tunai RM 5800.00
- Harga Ansuran :
 - Pendahuluan RM580.00
 - Bulanan RM218.00 selama dua tahun

29 Apakah fungsi wang dalam urus niaga tersebut

- A Penyimpan nilai dan bayaran tertunda
- B Pengukur nilai dan bayaran tertunda
- C Pengukur nilai dan alat perantaraan pertukaran
- D Penyimpan nilai dan alat perantaraan pertukaran

30 Antara berikut, yang manakah kemudahan kepada pemegang akaun semasa?

- I Menerima kemudahan overdraf
 - II Menerima buku akaun simpanan
 - III Memperoleh kadar faedah yang tinggi
 - IV Membuat pembayaran menggunakan cek
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |

Perbualan berikut merujuk kepada satu masalah ketidakstabilan ekonomi yang dihadapi oleh sesebuah negara.

Ashraf : Permintaan ke atas barang menurun kerana masyarakat kurang berbelanja. Banyak kilang-kilang di tutup.

Ah Kow : Yalah, mereka kekurangan wang, yang menganggur pun semakin ramai

31 Bagaimanakah bank pusat di negara tersebut mengatasi masalah itu?

- I Menurunkan nisbah rizab berkanun
- II Melonggarkan syarat sewa beli
- III Menjual surat jaminan kerajaan
- IV Menaikkan kadar faedah

- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |

32 Encik Rais telah menyewa sebuah traktor daripada Bank Islam Malaysia Berhad dengan bayaran RM3000 sebulan bagi tempoh 3 tahun. Selepas tempoh tersebut Encik Rais berhajat memiliki traktor tersebut. Apakah prinsip yang terlibat dalam urus niaga antara Bank Islam Malaysia Berhad dengan Encik Rais untuk pindah hak milik traktor tersebut

- | | |
|------------------------|--------------|
| A Al-Ijarah | C Al-Wadiah |
| B Al Bai Bithaman Ajil | D Al-Takjiri |

33 Pilih pasangan yang benar,

	Institusi Kewangan Bukan Bank	Cara Menerima Deposit
A	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Caruman daripada pekerja dan majikan
B	Lembaga Tabung Haji	Simpanan daripada orang ramai
C	Bank Simpanan Nasional	Deposit tetap, deposit semasa dan deposit tabungan
D	Syarikat Insurans	Pampasan yang dibayar oleh pemegang polisi

34 Mengapakah kerajaan masih memberi perhatian yang serius terhadap sektor utama walaupun pergantungan kepada sektor ini menimbulkan pelbagai masalah?

- A Harga pasaran keluaran sektor utama semakin stabil
- B Keupayaan menyerap guna tenaga oleh sektor utama semakin meningkat
- C Modal yang diperlukan bagi pembangunan sektor utama tidak terlalu tinggi
- D Sektor utama merupakan pembekal bahan mentah kepada sektor perindustrian

Jadual 8 dibawah menunjukkan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan bagi tempoh satu tahun

Sumber Hasil	RM (juta)
Cukai Pendapatan Individu	11,735
Duti Eksport	863
Lesen / Permit	5,708
Cukai Pendapatan Koperasi	86
Duti Import	3,513
Perkhidmatan / bayaran	708
Duti Eksais	4,349

Jadual 8

35 Berapakah jumlah anggaran hasil kerajaan daripada cukai tidak langsung pada tahun tersebut?

- | | |
|------------------|------------------|
| A RM 8,725 juta | C RM 18,237 juta |
| B RM 11,821 juta | D RM 20,546 juta |


36 Antara pasangan berikut yang manakah benar?

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A	Perkhidmatan sosial	Bekalan dan perkhidmatan
B	Pentadbiran am	Bayaran khidmat hutang
C	Emolumen, ganjaran dan pencen	Sektor perkhidmatan ekonomi
D	Keselamatan	Biasiswa dan bantuan pelajaran

- 37 Bagaimanakah kerajaan menggunakan belanjawan negara untuk mengatasi inflasi?

	Perbelanjaan Kerajaan	Kadar Cukai
A	Berkurang	Bertambah
B	Berkurang	Berkurang
C	Bertambah	Bertambah
D	Bertambah	Berkurang

Rajah 6 di bawah menunjukkan kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan pada suatu tahun.



Rajah 6

- 38 Mengapakah nilai hutang Kerajaan Persekutuan daripada dua sumber tersebut berbeza ?

- I hutang luar negara terdedah kepada risiko kadar pertukaran asing
- II kadar faedah bagi hutang dalam negeri lebih rendah
- III syarat pinjaman hutang luar negara lebih fleksibel
- IV hutang luar negara tidak menjaskan imbangan pembayaran

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

Soalan 39 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

39. I Semakin tinggi kadar faedah , semakin tinggi tabungan
 II Individu menabung untuk menampung kekurangan wang semasa
40. I Duti eksais bertujuan mengurangkan eksport komoditi utama ke luar negara
 II Duit import dikenakan untuk melindungi industri tempatan

KERTAS SOALAN TAMAT